



KECENDERUNGAN MASYARAKAT BERBELANJA BAGI MEMPEROLEH MAKANAN SEMASA PANDEMIK COVID-19

FOOD BUYING BEHAVIOUR DURING COVID-19 PANDEMIC IN MALAYSIA

Ely Salwana Mat Surin^{1*}, Muhammad Faiz Affandi², Ahmad Lutfi Azlan²

¹ Institute of IR4.0, Universiti Kebangsaan Malaysia
Email: elysalwana@ukm.edu.my

² Pusat Pengajian Citra Universiti, Universiti Kebangsaan Malaysia

* Corresponding Author

Article Info:

Article history:

Received date: 01.08.2022

Revised date: 30.08.2022

Accepted date: 25.09.2022

Published date: 29.11.2022

To cite this document:

Mat Surin, E. S., Affandi, M. F., & Azlan, A. L. (2022). Design Of Cloud-Based Intelligent Platform For Incidents Management & Prediction Using Machine Learning. *Journal of Information System and Technology Management*, 7 (28), 202-216.

DOI: 10.35631/JISTM.728014

This work is licensed under [CC BY 4.0](https://creativecommons.org/licenses/by/4.0/)



Abstrak:

Antara persoalan sejagat yang meruncing, terutama dari segi jaminan bekalan makanan telah berlaku semasa pandemik Covid-19. Satu kajian berkenaan kecenderungan masyarakat di Malaysia dalam berbelanja bagi memperoleh makanan semasa pandemik COVID-19 telah dijalankan. Penelitian dilakukan bagi menilai permasalahan kajian terhadap tahap kesedaran masyarakat terhadap perbelanjaan untuk mendapatkan makanan semasa musim pandemik. Ini dilakukan bagi untuk mengenal pasti faktor-faktor kecenderungan masyarakat dalam berbelanja bagi memperoleh makanan, menganalisis tahap keterlibatan dan minat masyarakat bagi mendapatkan makanan dan menilai tahap anggaran perbelanjaan mingguan masyarakat bandar bagi mendapatkan makanan. Ketiga-tiga perkara ini merupakan objektif-objektif bagi kajian ini. Pengumpulan data kajian dilakukan menggunakan kaedah tinjauan (survey). Secara ringkasnya, kami melakukan transformasi data bagi mempermudah proses visualisasi data sebagai kaedah menyediakan data dalam bentuk yang mudah difahami. Analisis kajian yang digunakan pula ialah analisis deskriptif dan analisis penakbiran (inferens). Data dipersembahkan dalam bentuk visualisasi carta bar, plot histogram dan plot bersepadu untuk memudahkan hasil dapatan difahami. Hasil kajian menunjukkan kebanyakan masyarakat kini hanya fokuskan perbelanjaan mereka terhadap barang keperluan sahaja seperti makanan. Mereka tidak berbelanja secara mewah semasa pandemic dan hanya berbelanja sekadar untuk memenuhi keperluan wajib.

Kata Kunci:

COVID-19, Malaysia, Perbelanjaan, Makanan, Analisis

Abstract:

A more significant worldwide issue has arisen as a result of the Covid-19, particularly with regard to food security. A study on the community's propensity to spend money on food during the COVID-19 pandemic has been done in Malaysia. The purpose of the study was to evaluate the extent of community awareness of the cost of purchasing food during a pandemic. This is done in order to pinpoint the causes of the community's propensity to spend money on food, examine the extent to which the community is involved and interested in doing so, and assess the expected weekly food expenditure level of the urban community. The goals of this study are these three things. The survey method is used to gather data for study. In order to provide data in an understandable format, we execute data transformation to streamline the data visualisation process. Descriptive and inferential analysis are the types of research analysis that are employed. To make the results easier to interpret, data is visualised using bar charts, histogram plots, and scatter plots. The study's findings indicate that the majority of individuals now only spend money on necessities like food. During the pandemic, they just make the necessary purchases to meet their essential necessities.

Keywords:

COVID-19, Malaysia community, Spending, Food, Visual Analysis

Pengenalan

Peningkatan kes Covid-19 di Malaysia yang sangat bahaya pernah menyebabkan masyarakat terpaksa berada di rumah untuk satu jangka masa yang Panjang untuk mengelakkan penyebaran Covid- 19 terus berkembang. Wabak COVID-19 bukan sahaja menjejaskan ekonomi negara, malah meninggalkan kesan mendalam bagi kehidupan masyarakat Malaysia. Perkara ini bertambah merisaukan, terutamanya kepada mereka yang masih terkesan dengan keadaan ekonomi semasa di mana punca pendapatan terjejas kerana gaji dikurangkan atau diberhentikan kerja. Hal ini telah memberi impak kepada kecenderungan masyarakat untuk mendapatkan makanan untuk meneruskan hidup. Tambahan dengan kesibukan warga kota yang sibuk, dipenuhi tugas pejabat di rumah menjadikan masyarakat tidak sempat untuk menyediakan makanan sendiri di rumah.

Oleh itu, kajian ini dijalankan untuk mengkaji kadar perbelanjaan seisi rumah untuk mendapatkan bekalan makanan, berdasarkan kemampuan dan pendapatan mereka. Amalan penilaian dan penyelarasan kedudukan kewangan perlu diterap dan diteruskan, walaupun selepas pandemik ini tamat. Kesedaran dan pemahaman situasi kewangan teliti membantu masyarakat berbelanja sewajarnya, di samping mengelakkan masalah kewangan terus meruncing.

Seperti yang kita tahu, semasa musim COVID19 melanda kebanyakan daripada masyarakat di Malaysia bekerja dari rumah namun ada segelintir golongan yang terpaksa hadir ke tempat kerja seperti kakitangan barisan hadapan (*frontliners*) dan juga perkhidmatan penting. Apabila seharian di tempat kerja dan sampai di rumah, mereka sememangnya sudah keletihan dan kurangnya kudrat untuk menjalankan kerja-kerja rumah pula. Makan di luar atau masak di rumah pasti mempunyai kelebihan tersendiri. Terdapat sesetengah masyarakat yang gemar memasak dan adakalanya ada juga suka makan di luar. Semasa zaman pandemik ini juga terdapat beberapa masyarakat yang mengisi waktunya selama di rumah untuk masak sendiri

atau mencoba masakan-masakan yang baru dan unik. Memasak makanan daripada air tangan sendiri merupakan cara terbaik bagi memastikan apa yang mereka makan bersih dan berkhasiat serta dapat memuaskan cita rasa sendiri. Tetapi membeli makanan di luar sama ada gerai atau restoran sememangnya memudahkan kerana ia mempunyai banyak pilihan dan tidak perlu untuk memikirkan apa yang perlu dimasak. Namun apa yang penting, merancang kewangan merupakan salah satu perkara penting dalam memastikan kehidupan sesebuah masyarakat berjalan dengan lancar.

Permasalahan Sebenar Yang Dihadapi Masyarakat (Kajian Kes)

Banyak perkara terjadi kini adalah hasil daripada rentetan kejadian pandemik COVID-19. Ianya telah mengubah banyak perkara secara general dan turut menjejaskan keadaan kewangan seseorang. Walaubagaimanapun, ilmu kewangan yang dimiliki membantu individu menguruskan kewangan dengan lebih cekap. Oleh itu, melalui kajian ini, sejauh manakah kesedaran sasaran masyarakat iaitu masyarakat bandar terhadap perbelanjaan mingguan bagi memperoleh makanan akan dapat diketahui.

Ramai orang menganggap perancangan kewangan sebagai sesuatu yang membebankan serta menghalang mereka daripada melakukan perkara-perkara yang menyeronokkan. Baru-baru ini kita dapat lihat terdapat artikel yang menyatakan masyarakat kini ada yang membunuh diri kerana stres disebabkan kemelesetan ekonomi. Berdasarkan artikel Harian Metro pada 7 April 2021 yang bertajuk 'Stres pembunuh dalam senyap' yang membahaskan ramai golongan B40 paling stres kerana kekangan kewangan untuk berbelanja. Selain itu, pada masa kini masyarakat banyak yang hilang kerja akibat pandemik ini. Berdasarkan artikel Berita Harian juga pada 31 Oktober 2020 yang membuktikan terdapat '800,000 hilang kerja sejak COVID-19 melanda'.

Selain itu, isu hangat dipertikaikan tentang terdapat ramai belia muflis yang berada di bandar. Artikel Berita Harian pada September 2020 menyatakan di Kuala Lumpur Seramai 945 golongan belia berusia antara 18 hingga 35 tahun diisytihar bankrap sepanjang tempoh Januari hingga Julai lalu, kata Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Parlimen dan Undang-undang), Datuk Shabudin Yahaya. Hal ini amat membimbangkan jika mereka kelak tidak cukup untuk berbelanja bagi mendapatkan keperluan asas seperti makanan. Kita juga tahu masyarakat duduk di bandar ini kos sara mereka lebih tinggi kerana jika dilihat daripada segi corak perbelanjaan isu rumah tipikal, perbelanjaan untuk makanan memang membabitkan peratusan tinggi selain pengangkutan dan perumahan termasuk bayaran bil. Jika semuanya digabungkan, ia sudah menggunakan dua pertiga isu rumah. Pada musim pandemic yang lalu, masyarakat perlulah bijak berbelanja dan jimat dalam pengurusan wang jika hendak mengelakkan diri dari kekangan wang.

Mengetahui cara terbaik untuk berbelanja, menyimpan dan melabur wang bukanlah masalah besar sebelum ini, tetapi krisis yang akan datang akibat pandemik Covid-19 telah menyebabkan pengurusan kewangan menjadi huru-hara bagi kebanyakan rakyat Malaysia. Situasi pandemic telah memaksa orang ramai untuk lebih celik kewangan sebagai persediaan menghadapi sebarang kemungkinan, terutamanya sekiranya berlaku krisis, sama ada di peringkat sejagat atau individu.

Dengan merancang kewangan, masyarakat berupaya mengelakkan perbelanjaan berlebihan, hutang tidak terurus, kebangkrapan atau kebergantungan kepada orang lain. Masyarakat juga

dapat mengeratkan lagi hubungan peribadi dengan orang sekeliling mereka, seperti keluarga, kawan-kawan dan rakan sekerja kerana mereka gembira dengan kehidupan mereka dan tidak perlu pinjam-meminjam wang untuk memenuhi keperluan atau mengharapkan sumbangan kepada orang lain.

Objektif Kajian

Objektif pertama kajian ini adalah untuk mengenal pasti faktor-faktor kecenderungan masyarakat dalam berbelanja bagi memperoleh makanan. Seterusnya pula ialah menganalisis tahap keterlibatan dan minat masyarakat bagi mendapatkan makanan merupakan objektif kedua kajian ini. Selain itu, objektif ketiga kajian ini adalah untuk menilai tahap anggaran perbelanjaan mingguan masyarakat bandar bagi mendapatkan makanan.

Sumber Data

Sumber data yang diperoleh bagi kajian ini adalah daripada data primer iaitu tinjauan yang dilaksanakan secara atas talian. Data sekunder juga digunakan bagi mengukuhkan kajian ini dalam bahagian penemuan kajian.

Pra-Pemprosesan Data

Kualiti data daripada sumber primer yang diperolehi adalah dapat dijamin. Ini kerana proses penapisan data iaitu data entri yang kosong tidak ditinggalkan oleh responden melalui tinjauan. Ini dilakukan dengan pengkaji mewajibkan responden untuk menjawab kesemua ruangan yang disediakan termasuklah tidak menyediakan ruangan soalan subjektif bagi mengelakkan risiko mendapat data yang tidak berkaitan dengan kehendak objektif kajian. Pengkaji mengakui ruangan soalan berkenaan juga berkualiti, namun perkara ini tidak sesuai dilakukan dalam konteks ruangan kajian ini memandangkan data utama yang dikumpul adalah disasarkan melalui pilihan jawapan yang disediakan oleh pengkaji.

Hasil analisis melalui tinjauan yang disediakan adalah dalam bentuk yang rumit untuk difahami. Maka, kaedah transformasi data dilakukan bagi mempermudah proses visualisasi data seperti mengubah bentuk data kepada bentuk peratusan selain menyatakan jumlah responden dan penyediaan jawapan dalam bentuk skala.

Data yang dikumpul untuk disediakan adalah jenis kategori iaitu mengandungi nilai kepada kategori atau kumpulan tertentu dan diskret iaitu nilai integer yang mempunyai nombor yang tertakrif antara dua atau lebih nilai.

Metodologi Analisis

Analisis data yang digunakan bagi mengulas objektif kajian ini adalah dengan mengutamakan kaedah kualitatif dan juga mengguna pakai kaedah kuantitatif. Pendekatan analisis pertama yang digunakan ialah analisis deskriptif yang merupakan kaedah mengelaskan data kepada kategori mengikut kehendak objektif kajian. Analisis yang kedua iaitu analisis penakbiran atau analisis inferens iaitu dengan menyediakan inferens berkenaan sikap dalam sesebuah kajian populasi berdasarkan sampel data yang diperolehi. Ini bermakna analisis data melalui kaedah kualitatif adalah digunakan bagi mengenal pasti sebab musabab dan langkah penyelesaian kepada permasalahan dan objektif yang dikemukakan dalam kajian ini manakala kaedah kuantitatif pula digunakan bagi menilai tahap responden dalam sesebuah persoalan.

Visualisasi data dilakukan dengan memaparkan tabulasi data dipersembahkan dalam bentuk carta bar, plot histogram dan plot berseparah. Hal ini untuk mendapatkan tafsiran yang lebih jelas dan mudah difahami daripada pengumpulan data. Ini juga bagi membina gaya persembahan data kajian yang interaktif dan menarik kepada golongan sasaran.

Hasil Analisis

Demografi Responden

Jadual 4.1: Peratusan Demografi Responden


Kategori Umur (Tahun)	Bilangan Responden (Orang)	Peratusan (%)
18-27	237	54
28-36	69	15
37-45	22	5
45 dan ke atas	114	26



Rajah 4.1 Carta Pai Demografi Responden Mengikut Umur



Rajah 4.2 Carta Pai Demografi Responden Mengikut Pekerjaan



Rajah 4.3 Carta Pai Demografi Responden Mengikut Jantina

Berdasarkan rajah-rajah berikut, data yang diperolehi menunjukkan data mengenai demografi responden kajian ini. Demografi responden kajian ini adalah terbahagi kepada kategori umur, pekerjaan dan tahun. Perhatian ditumpukan kepada Jadual 4.1 dan Rajah 4.1 iaitu berkenaan demografi responden mengikut umur. Ini kerana kajian ini menganalisis kecenderungan golongan muda dan golongan tua dalam mendapatkan makanan. Pemilihan kategori umur secara kasarnya dipecahkan kepada 4 kelas umur bagi memudahkan analisis dijalankan berdasarkan kepada kategori golongan mengikut umur. Ini kerana golongan yang berusia antara 18 hingga 27 tahun kebanyakannya merupakan golongan pelajar dan golongan yang baru sahaja ingin memulakan karier atau mengukuhkan karier baharu yang sedia ada. Kajian menunjukkan bahawa golongan yang berumur antara 28 hingga 36 tahun pula majoriti merupakan golongan yang ingin mengukuhkan perjalanan karier yang telah ditempuhi manakala yang berumur 37 hingga 45 tahun merupakan tahap hampir kemuncak kepada perjalanan karier seseorang bagi kebanyakan orang atau dalam erti kata lain, pengukuhan karier pekerjaan yang membolehkan pendapatan dapat dicapai pada tingkat hampir maksimum dalam kehidupan seseorang. Penumpuan ke arah persediaan dalam menempuhi alam pencen atau mencapai tingkat kemuncak dalam karier seseorang pula majoriti adalah dalam golongan yang berusia antara 45 tahun dan ke atas. Dalam kategori ini, sebanyak 54% responden adalah merupakan responden berumur antara 18 hingga 27 tahun manakala 26% responden pula berumur antara 45 tahun dan ke atas. Responden yang berumur antara 28 hingga 36 tahun pula merangkumi 15% responden dan selebihnya iaitu 5% responden adalah berumur antara 37 hingga 45 tahun.

Rajah 4.2 pula memaparkan peratusan responden mengikut pekerjaan. Ini bertujuan untuk menganalisis latar belakang pekerjaan bagi mendapatkan gambaran dan sokongan bagi menilai hasil analisis kajian ini dengan lebih berkesan. Bagi memudahkan analisis visualisasi data dilakukan, ton warna coklat daripada paling gelap kepada paling cerah mengikut susunan yang telah ditetapkan dari atas ke bawah dalam petunjuk yang telah disediakan dalam rajah. Sebanyak 43% responden terdiri daripada golongan pelajar manakala sebanyak 18% responden masing-masing merupakan pekerja dalam sektor awam dan yang tidak bekerja. Rajah 4.3 pula menunjukkan demografi responden mengikut jantina. Pada ada Rajah 4.2 pula, sebanyak 59% responden merupakan lelaki manakala selebihnya adalah terdiri daripada perempuan.

Faktor-Faktor Kecenderungan Masyarakat Bandar Dalam Berbelanja Bagi Memperoleh Makanan**Jadual 4.2 Peratusan Faktor-Faktor Kecenderungan Masyarakat Bandar dalam Berbelanja bagi Memperoleh Makanan**

Soalan dan Jawapan	Bilangan Responden (Orang)	Peratusan (%)
Adakah berbelanja bagi mendapatkan makanan merupakan keperluan (ya) atau kehendak (tidak) bagi anda?		
· Ya	431	97.4
· Tidak	11	2.6
Nyatakan keutamaan anda dalam berbelanja.		
· Pembelian barang basah untuk penyediaan makanan di rumah.	351	79.5
· Hanya memesan makanan sahaja.	91	20.5
Jika anda berbelanja, apakah kecenderungan utama anda dalam memesan makanan?		
· Mendapatkan makanan yang berkualiti tinggi walaupun pada tanda harga yang tinggi.	113	25.6
· Sekadar untuk mendapatkan makanan dengan kadar yang secukupnya.	329	74.4
Apakah keutamaan jenis makanan yang anda ingin dapatkan dalam berbelanja?		
· Makanan ringan (snek).	0	0
· Makanan segera (fast food).	34	7.7
· Hidangan sepinggan lengkap.	159	35.9
· Makanan atau minuman mewah.	0	0
· Makanan hanya untuk alas perut atau minuman.	34	7.7
· Bergantung kepada keinginan semasa (tiada keutamaan secara hakiki)	215	48.7
Apakah tujuan utama anda dalam membeli atau memesan makanan?		
· Terpaksa membeli atau memesannya kerana kekangan masa.	224	
· Ingin menikmati gaya hidup mewah.	0	
· Tiada dapur memasak di rumah.	0	
· Tidak tahu memasak.	22	
· Ingin mencuba menu atau perkara yang baharu.	136	
· Ingin melepaskan stres atau kemurungan.	0	
· Mengisi waktu lapang secara bersendirian.	30	
· Meluangkan masa bersama orang lain.	30	



Rajah 4.4 Graf Bar Faktor-Faktor Kecenderungan Masyarakat Bandar dalam Berbelanja bagi Memperoleh Makanan

Berdasarkan kepada Jadual 4.2, sebanyak 5 soalan yang perlu dijawab oleh responden bagi objektif pertama iaitu faktor-faktor kecenderungan masyarakat bandar dalam berbelanja bagi memperoleh makanan. Analisis soalan pertama jelas membuktikan bahawa 97.4% responden memilih bahawa berbelanja bagi mendapat makanan merupakan keperluan. Selain itu, sebanyak 79.5% responden memilih pembelian barang basah untuk penyediaan makanan di rumah adalah diutamakan dalam berbelanja bagi soalan kedua. Bagi soalan ketiga pula, sebanyak 74.4% responden cenderung untuk hanya mendapatkan makanan dengan kadar yang secukupnya dalam keutamaan memesan makanan. Majoriti responden sebanyak 48.7% dan 35.9% masing-masing memilih kebergantungan kepada keinginan semasa dan hidangan sepinggan lengkap sebagai keutamaan jenis makanan yang ingin diperoleh dalam berbelanja bagi soalan keempat. Situasi yang hampir sama juga berlaku dalam soalan kelima dengan sebanyak 48.7% dan 30.8% responden masing-masing memilih untuk terpaksa membeli atau memesan makanan kerana kekangan masa dan ingin mencuba menu atau perkara yang baharu sebagai tujuan utama dalam membeli atau memesan makanan. Rajah 4.4 pula menunjukkan faktor-faktor kecenderungan masyarakat bandar secara kasar bagi iaitu keutamaan dalam berbelanja dan kecenderungan utama dalam memesan makanan.

Tahap Keterlibatan Dan Minat Masyarakat Bandar Bagi Mendapatkan Makanan

Jadual 4.3 Peratusan Tahap Keterlibatan Masyarakat Bandar bagi Mendapatkan Makanan

Tahap Keterlibatan (Skala)	Pesanan Makanan (%)	Pembelian Barang Basah (%)
Tidak pernah	7.7	5.1
Sekali-sekala	48.7	17.9
Kadang-kadang	38.5	25.6
Kerap	5.1	51.3



Rajah 4.5: Graf Bar Tahap Keterlibatan Masyarakat Bandar bagi Mendapatkan Makanan

Jadual 4.4: Peratusan Tahap Minat Masyarakat Bandar dalam Memperoleh Makanan

Tahap Minat (Skala)	Pesanan Makanan (%)	Pembelian Barang Basah (%)
Sangat Tidak Minat	2.6	0
Tidak Minat	23.1	7.7
Minat	64.1	48.1
Sangat Minat	10.3	43.6



Rajah 4.6: Graf Bar Tahap Minat Masyarakat Bandar dalam Memperoleh Makanan

Bagi objektif kedua ini, soalan-soalan yang dikemukakan kepada responden dipecahkan kepada 2 bahagian bagi memudahkan analisis kajian ini kepada tahap keterlibatan masyarakat bandar bagi mendapatkan makanan dan tahap minat masyarakat bandar dalam memperoleh makanan. Sebanyak 1 soalan yang perlu dijawab oleh responden dalam setiap bahagian mengikut skala dari 1 hingga 4. Dalam bahagian pertama seperti yang dipaparkan dalam Jadual 4.3 dan Rajah 4.5 (dalam bentuk yang lebih interaktif), kiraan skala terendah iaitu 1 ialah tidak pernah dan diikuti dengan sekali-sekala (2), kadang-kadang (3) dan kerap (4) digunakan sebagai pengukuran kepada tahap keterlibatan masyarakat bandar. Secara kasarnya, sebanyak 51.3% responden memilih tahap keterlibatan yang kerap (4) manakala hanya 5.1% responden sahaja yang memilih tidak

pernah terlibat dalam mendapatkan makanan. Bagi bahagian kedua pula seperti yang dipaparkan dalam Jadual 4.4 dan Rajah 4.6 (dalam bentuk yang lebih interaktif), kiraan skala terendah iaitu 1 ialah sangat tidak minat dan diikuti dengan tidak minat (2), minat (3) dan sangat minat (4) bagi mengukur tahap minat masyarakat bandar iaitu kecenderungan masyarakat dalam mengutamakan pembelian makanan berbanding dengan perkara-perkara lain yang juga dianalisis dalam objektif ketiga. Dalam soalan ini, sebanyak 48.1% dan 43.6% responden masing-masing memilih tahap minat yang ke-3 dan yang ke-4 iaitu sangat minat dalam memperoleh makanan.

Tahap Anggaran Perbelanjaan Mingguan Masyarakat Bandar Untuk Mendapatkan Makanan

Jadual 4.5: Peratusan Tahap Anggaran Perbelanjaan Mingguan Masyarakat Bandar untuk Mendapatkan Makanan

Soalan dan Jawapan	Bilangan Responden (Orang)	Peratusan (%)
Adakah perbelanjaan anda lebih memberatkan (weightage) kepada keutamaan memperoleh makanan (sama ada memesan makanan atau membeli barang basah) berbanding dengan perkara lain?		
· Ya	335	75.7
· Tidak	107	24.3
Kadar Anggaran Perbelanjaan untuk Mendapatkan Makanan (sama ada memesan makanan atau membeli barang basah) dalam Masa Seminggu		
· RM100 dan ke bawah	193	43.6
· RM101 hingga RM300	238	53.8
· RM301 dan ke atas	11	2.6



Rajah 4.7 Graf Garis Tahap Anggaran Perbelanjaan Mingguan Masyarakat Bandar untuk Mendapatkan Makanan

Berpandukan kepada Jadual 4.5, pengkaji memilih untuk menyediakan pilihan jawapan yang telah ditetapkan kepada para responden seperti yang dilakukan dalam objektif pertama. Sebanyak 2 soalan yang telah dikemukakan bagi menganalisis tahap anggaran perbelanjaan mingguan masyarakat bandar untuk mendapatkan makanan. Bagi soalan pertama, sebanyak 75.7% responden bersetuju bahawa mereka lebih memberatkan keutamaan kepada memperoleh makanan berbanding dengan perkara lain. Bagi soalan kedua pula yang juga berpandukan kepada Rajah 4.7, sebanyak 53.8% responden memilih kadar anggaran perbelanjaan dari RM101 hingga RM300 manakala 43.6% dan 2.6% responden pula masing-masing memilih kadar anggaran perbelanjaan sebanyak RM100 dan ke bawah dan RM301 dan ke atas.

Penemuan Kajian

Hasil daripada data-data yang diperoleh ini, objektif pertama tersebut menunjukkan rajah-rajah yang terdiri daripada demografi responden iaitu umur, pekerjaan dan jantina masyarakat yang berada di bandar. Perbandingan ini dilakukan bagi menganalisis kecenderungan golongan muda dan golongan tua dalam mendapatkan makanan. Berdasarkan graf tersebut kebanyakan respondenialah mereka yang masih belajar dan separuhnya lagi masih bekerja dan terdapat yang sudah pencen. Objektif pertama ini penting untuk menganalisis berapa ramaikah responden serta pelbagai latar belakang mereka adalah relevan untuk dikaji bagi terdapatnya keseimbangan dari segi usia.

Selain itu, hasil data daripada data yang diperolehi bagi objektif kedua pula menunjukkan rajah-rajah yang terdiri daripada faktor-faktor kecenderungan masyarakat dalam berbelanja untuk mendapatkan makanan. Analisis data yang dilakukan menunjukkan responden kebanyakannya memilih berbelanja untuk mendapat makanan ini merupakan keperluan bagi mereka. Responden yang terdiri dari kalangan pelajar membuatkan hasil analisis tersebut lebih cenderung untuk mereka memfokuskan makanan jika berbelanja. Masyarakat juga kebanyakannya memilih untuk membeli barangan basah untuk menyediakan makanan di rumah. Hal ini dapat dijelaskan kerana responden juga majoritinya memilih keutamaan mereka dalam berbelanja hanya hidangan sepinggan lengkap sebagai keutamaan jenis makanan. Jika mereka hendak memesan makanan, responden cenderung untuk mendapatkan makanan dengan kadar yang secukupnya dalam keutamaan memesan makanan. Mereka memesan makanan hanya kerana terpaksa membeli kerana kekangan masa.

Hal ini dapat ditegaskan dalam perolehan analisis kami bahawa majoritinya masyarakat bandar tidak gemar untuk berbelanja lebih bagi mendapat makanan. Kebanyakannya mereka cuba untuk berjimat dan cukup sekadar mengalas perut mereka. Jika mereka hendak memesan makanan pula majoritinya memilih kaedah tersebut kerana mereka menghadapi kekangan masa untuk memasak di rumah. Orang ramai lebih berminat untuk mendapat makanan bagi mengelakkan pembaziran masa dan terdapat banyak pilihan menu. Hal ini kita tidak dapat nafikan bahawa kesesakan jalan raya bukan perkara yang menghairankan kalau tinggal di bandar dan cara yang cepat untuk mereka mengejar masa ialah dengan memesan makanan. Selain itu, masyarakat kini juga tidak lagi mampu untuk berbelanja lebih bagi mendapatkan sesuatu dan hanya untuk cukup sekadar mengalas perut sahaja. Terdapat akhbar berita dari Sinar Harian pada 9 Julai 2021 menjelaskan seorang pemandu teksi mengakui pendapatan diperoleh 'sekadar cukup makan' sejak berdepan pandemik Covid-19 setahun lalu. Hal ini kerana jika dibandingkan dua tahun lepas banyak

bezanya, kerana dulu terdapat ramai pelanggan, tetapi kini pelanggan makin berkurang sejak pandemik ini melanda. Perkara ini kita tidak dapat nafikan bahawa pada masa kini, masyarakat sudah jarang untuk keluar rumah bagi berbelanja lebih kerana masing-masing hendak berjimat bagi mampu untuk terus dengan kelangsungan hidupnya, ini mempengaruhi pendapatan seterusnya cara berbelanja.

Di samping itu, hasil analisis data daripada data yang diperolehi bagi objektif ketiga pula menunjukkanajah- rajah yang terdiri daripada tahap keterlibatan dan tahap minat masyarakat bagi mendapat makanan serta tahap anggaran perbelanjaan mingguan masyarakat bagi mendapat makanan. Analisis data yang dilakukan menunjukkan majoriti responden kerap mendapatkan makanan dalam masa seminggu dan masing-masing responden menunjukkan mereka yang sangat mengambil berat terhadap cara memperoleh makanan. Hal ini hendak menunjukkan responden yang terdiri dari masyarakat bandar ini masih lagi mampu untuk mendapat makanan. Hasil analisis juga telah menunjukkan majoriti responden memilih kadar anggaran perbelanjaan dari RM101 hingga RM300 iaitu dengan kadar sederhana.

Ini disokong oleh satu artikel Harian Metro menyatakan individu bujang yang menggunakan pengangkutan awam dan tinggal di Lembah Klang memerlukan sekurang-kurangnya RM1,870 sebulan bagi menampung perbelanjaan harian untuk meneruskan kelangsungan hidup. Nilai yang dinyatakan itu amatlah relevan jika dicampur sekali dengan pembayaran bil, pengangkutan, makanan dan sebagainya kerana peningkatan kos sara hidup dan hutang yang tinggi jika duduk di bandar ini. Responden juga kebanyakannya bersetuju berdasarkan soal selidik tersebut bahawa mereka mengutamakan keperluan mereka iaitu memperoleh makanan dari kehendak lain. Terdapat juga artikel Harian Metro pada 9 Mei 2020 menyatakan dalam berdepan pandemik Covid-19 dan disusuli Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), masyarakat negara ini perlu bijak dalam menguruskan kewangan dengan meletakkan perbelanjaan kepada sesuatu yang lebih berobjektif (keperluan) ketika dilanda bencana ini. Oleh itu, ianya penting untuk pada masa kini masyarakat berhati-hati ketika berbelanja dan hasil analisis tersebut menunjukkan responden kebanyakan mengutamakan makanan sebagai perbelanjaan mereka.

Maka penyelesaian untuk perkara ini, terdapat beberapa langkah yang boleh diambil oleh masyarakat untuk meneruskan kelangsungan hidup pada zaman pandemik ini. Antaranya ialah dengan melakukan perniagaan secara atas talian. Seperti kita tahu industri yang meningkat naik semasa pandemik Covid19 adalah makanan, kesihatan, media, kewangan dan farmasi. Dalam kesempatan ini kita boleh juga menjual makanan secara atas talian sahaja seperti di Shopee, Facebook dan sebagainya. Dengan cara ini ia mampu untuk meningkatkan kewangan sesetengah masyarakat kerana pada masa kini, platform penjualan atas talian ini sering dilakukan pada zaman pandemik ini. Promosi penjualan juga boleh dilakukan di pelbagai platform seperti di Tiktok, Instagram, Facebook dan sebagainya untuk menarik minat ramai masyarakat. Perniagaan bermodalkan atas talian ini banyak memberi keuntungan pada zaman pandemik ini.

Selain itu, masyarakat juga hendaklah berbelanja dengan cermat. Masyarakat perlu bermula dengan keperluan-keperluan asas hidup iaitu untuk makan, minum, pakaian, tempat tinggal, pendidikan dan kesihatan. Disusuli dengan kehendak-kehendak kemudian

barulah kemewahan. Sekiranya mahu berbelanja, pertimbangkan dahulu sama ada barangan tersebut merupakan barangan keperluan atau hanya kehendak peribadi. Semasa berbelanja juga perlulah membuat perbandingan harga terhadap barang-barang yang bernilai tinggi atau keperluan harian. Perkara ini akan memberi manfaat kepada masyarakat walaupun kelihatan leceh.

Di samping itu, masyarakat bandar juga boleh menjinakkan diri dalam membuat pelaburan. Simpanan yang telah dibuat itu antaranya adalah untuk dijadikan modal pelaburan. Tujuan pelaburan kita adalah untuk kegunaan menunaikan haji, tabung persaraan, tabung pendidikan anak-anak, tabung kecemasan dan apa-apa sahaja matlamat kewangan. Seperti yang dapat dilihat, sistem pendidikan kita tidak mengajar kita apa-apa tentang pengurusan kewangan peribadi, pelaburan atau bagaimana menguruskan wang. Masyarakat tidak akan mempunyai masa depan kewangan yang kukuh sekiranya mereka tidak memikirkan bagaimana untuk menjana wangnya. Komited dalam penjimatan wang ini akan membantu masyarakat mengelakkan diri dari krisis kewangan kelak. Pengurusan wang yang bijak pada masa kini akan membantu membina masa depan yang cerah dan secara tidak langsung akan meningkatkan ekonomi negara.

Kesimpulan

Secara kesimpulannya, analisis data berkenaan kecenderungan masyarakat bandar dalam berbelanja untuk memperoleh makanan ini penting untuk memberi pendedahan tentang kepentingan pengurusan wang, dan belanja keperluan dan kehendak. Pada masa sekarang, iaitu zaman selepas pandemik ini, kita sendiri dapat lihat ekonomi negara semakin merudum dan masyarakat juga menghadapi masalah dalam meneruskan hidup. Memperoleh makanan yang mencukupi merupakan perkara penting untuk masyarakat bagi meneruskan kelangsungan hidup pada musim pandemik ini. Orang ramai juga hendaklah prihatin terhadap masyarakat sekeliling agar mereka yang kekangan kewangan itu peroleh bantuan yang diperlukan. Berdasarkan kajian juga kebanyakan masyarakat kini hanya fokuskan perbelanjaan mereka terhadap barang keperluan sahaja seperti makanan. Mereka juga tidak berbelanja secara mewah semasa musim pandemik ini dan hanya berbelanja sekadar untuk kenyang sahaja bagi mendapatkan makanan. Mereka hanya memasak sahaja atau memesan makanan sekiranya menghadapi kekangan masa. Jadi krisis pandemik ini memerlukan kebijaksanaan untuk tidak membuat keputusan kewangan secara terburu-buru. Celik kewangan boleh membantu individu menguruskan kewangan mereka dengan lebih baik semasa sukar ini.

Cabaran / Permasalahan Masa Depan Projek Kajian

Permasalahan yang kami hadapi sepanjang melakukan projek ini ialah kesukaran dalam membincangkan tugas secara atas talian. Pada musim pandemik ini, kami sukar untuk melakukan tugas bersama-sama kerana dengan menggunakan kaedah cara atas talian ini amat mencabar bagi kami untuk umumkan secara masa ke semasa bagi memastikan projek yang dijalankan dalam keadaan yang baik.

Rujukan

BERNAMA. 2020. Permintaan penghantaran makanan melonjak 30 peratus. Sinar Harian. <https://www.sinarharian.com.my/article/74393/berita/nasional/permintaan-penghantaran-makanan-melonjak-30-peratus> [1 Jun 2021]

- BERNAMA. 2021. Stres pembunuh dalam senyap. *Harian Metro*. <https://www.hmetro.com.my/rencana/2021/04/692221/stres-pembunuh-dalam-senyap> [8 Jun 2021]
- Chang, C. L., McAleer, M., & Wong, W. K. (2020). Risk and financial management of COVID-19 in business, economics and finance. *Journal of Risk and Financial Management*, 13(5), 102.
- Clamp, C. G., Gough, S., & Land, L. (2004). Data analysis, interpretation and presentation. *Resources for nursing research (4th ed.)*. London, United Kingdom: Sage. doi, 10, 9780857024633.
- Faris Danial Razi. 2019. GrabFood umum caj penghantaran naik hingga RM9. *Astro Awani*. <https://www.astroawani.com/berita-malaysia/grabfood-umum-caj-penghantaran-naik-hingga-rm9-225024> [7 Jun 2021]
- Lee, S. Y. T., Park, M., & Shin, Y. (2021). *Hit harder, recover slower? Unequal employment effects of the COVID-19 shock* (No. w28354). National Bureau of Economic Research.
- Luqman Arif Abd Karim. 2021. 800,000 hilang kerja sejak COVID-19 melanda. *Berita Harian*. <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2020/10/748412/800000-hilang-kerja-sejak-covid-19-melanda> [30 Jun 2021]
- Mastura. 2020, Banyak Pilihan & Tak Bazir Masa – Ini 5 Sebab Kenapa Orang Suka Guna Servis Penghantaran Makanan!. *OhBulan!*. <https://ohbulan.com/banyak-pilihan-tak-bazir-masa-ini-5-sebab-kenapa-orang-suka-guna-servis-penghantaran-makanan> [3 Julai 2021]
- MSTAR. 2019. Lebih bersih sudah pasti, semak 5 kebaikan apabila anda pilih masak sendiri di rumah. *Mstar.com.my*. <https://www.mstar.com.my/xpose/famili/2019/08/10/tip-masak-di-rumah> [7 Jun 2021]
- Muhamaad Razis Ismail. 2020, Utama keperluan dari kehendak. *Harian Metro*. <https://www.hmetro.com.my/WM/2020/05/576266/utama-keperluan-dari-kehendak> [30 Jun 2021]
- Nabil Basaruddin. 2020, Minimum RM1,870 sebulan. *Harian Metro*. <https://www.hmetro.com.my/utama/2019/03/429994/minimum-rm1870-sebulan> [2 Julai 2021]
- Nor Azwani Yusuf. 2021, 'Pendapatan hanya cukup makan'. *Sinar Harian*. <https://www.sinarharian.com.my/article/141717/EDISI/Pendapatan-hanya-cukup-makan> [2 Julai 2021]
- Nor Hatina Shuib. 2019, Khidmat penghantaran makanan jimatkan masa. *Berita Harian*. <https://www.bharian.com.my/wanita/lain-lain/2019/02/530297/khidmat-penghantaran-makanan-jimatkan-masa> [7 Jun 2021]
- Prasetyo, Y. T., Tanto, H., Mariyanto, M., Hanjaya, C., Young, M. N., Persada, S. F., ... & Redi, A. A. N. P. (2021). Factors affecting customer satisfaction and loyalty in online food delivery service during the COVID-19 pandemic: Its relation with open innovation. *Journal of Open Innovation: Technology, Market, and Complexity*, 7(1), 76.
- Rohana Mohd. Nawi. 2021. PKPD: 5 beranak ikat perut catu makanan. *Utusan Malaysia*. <https://www.utusan.com.my/berita/2021/06/pkpd-5-beranak-ikat-perut-catu-makanan> [8 Jun 2021]
- SD Reporter. 2021. “Hanya dua orang satu meja, boleh?” *Sinar Harian*. <https://www.sinarharian.com.my/article/120502/BERITA/Nasional/Hanya-dua-orang-%20satu-meja-boleh> [7 Jun 2021]

- Shahzeeq. 2019, Yang Mana Satu Lebih Elok, Makan Di Luar Atau Masak Sendiri?.BeautifulNara. <https://beautifulnara.com/yang-mana-satu-lebih-elok-makan-di-luar-atau-masak-sendiri/> [4 Julai 2021]
- Suraya Zainudin. 2020, Pandemik ajar kepentingan urus kewangan. Berita Harian. <https://www.bharian.com.my/rencana/komentar/2020/09/734909/pandemik-ajar-kepentingan-urus-kewangan> [30 Jun 2021]
- Wachyuni, S. S., & Wiweka, K. (2020). The changes in food consumption behavior: a rapid observational study of COVID-19 pandemic. *International Journal of Management Innovation & Entrepreneurial Research*, 6(2), 77-87.
- Waskom, M. L. (2021). Seaborn: statistical data visualization. *Journal of Open Source Software*, 6(60), 3021.
- Zhang, S., Zhang, C., & Yang, Q. (2003). Data preparation for data mining. *Applied artificial intelligence*, 17(5-6), 375-381.